

**Bil. 38**

**Isnin**

**21 Oktober 2019**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Penyelenggaraan Kos Pembangunan  
Balai Polis**  
- YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (*Sibu*) [Halaman 1]
- **Pertanyaan Mengenai Kurikulum Standard Sekolah Rendah  
(KSSR) Semakan bagi Subjek Bahasa Melayu Tahun 4  
dan Memperkenalkan Seni Tulisan Khat sebagai Pengisian  
Tambahan**  
- YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (*Parit Sulong*) [Halaman 3]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 21 Oktober 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Penyelenggaraan Kos Pembangunan Balai Polis**

**2.34 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembinaan bangunan kerajaan, reka bentuk yang terlampau telah menyebabkan kos penyelenggaraan bagi setiap bangunan menunjukkan peningkatan pada tahun ke tahun. Sering kali kos penyelenggaraan tidak dapat ditanggung oleh pihak berkuasa kerana peruntukan yang terhad daripada kerajaan. Balai Polis Sungai Merah yang berlokasi di Sibu merupakan satu contoh menghadapi masalah kos penyelenggaraan. Masalah seperti kebocoran bumbung, lampu tidak menyala dan juga kemudahan yang tidak lengkap di asrama berlaku semenjak siap pembinaan.

Banyak aduan juga kita terima apabila berada di balai polis tersebut. Mereka mengatakan keselamatan mereka tidak terjamin. Contohnya, sistem *spotlight* yang tidak berfungsi di tempat peletakan kereta. Pemandu tidak dapat memandang jelas pada waktu malam dan gelap dalam persekitaran balai polis. Pembaikan premis kediaman warga polis perlu diperhatikan. Perumahan yang selesa untuk anggota polis amat diperlukan bagi kemudahan untuk mereka digerakkan apabila berlaku kecemasan. Fasiliti di penempatan tinggal Balai Polis Sungai Merah tidak lengkap. Ini telah mengakibatkan anggota polis tiada keselesaan semasa tinggal di *flat* tersebut.

Harapkan kerajaan akan membuat kajian teliti dan menyeluruh sebelum sesuatu pembangunan dimulakan atau semasa pembelian aset baharu. Tujuan tersebut adalah untuk

mengelakkan pembaziran dalam pembinaan yang amat bergaya dan kos penyelenggaraan tidak dapat ditanggung. Sekian, terima kasih.

### **2.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sibu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat daripada Sibu ini tetapi sebelum saya menjawab soalnya, izinkan juga saya untuk menerangkan sedikit peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan, perihal mengenai Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah diluluskan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM200 juta di bawah pakej *Rolling Plan* ke-4, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan di Kompleks Perumahan PDRM serta kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif-lif di Kompleks PDRM seluruh Malaysia. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut, PDRM telah mengenal pasti dan menyenaraikan sejumlah 12,409 unit kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur guna sama yang perlu diselenggara dan dinaiktarafkan.

Selain daripada itu, sejumlah 201 unit lif di 34 lokasi turut dikenal pasti untuk penggantian dan pembaikan. Manakala bagi cadangan-cadangan lain pembaikan yang bukan melibatkan pembaikan kuarters, telah disenaraikan di bawah Perbelanjaan Mengurus PDRM tahun 2019 dengan mengambil kira keperluan terkini daripada kontinjen dan formasi bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan ke atas kerja-kerja pembaikan yang lebih mendesak dan mengikut keutamaan.

Bagi tahun 2019, Balai Polis Sungai Merah, peruntukan sejumlah RM390,570 bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di bawah Perbelanjaan Mengurus PDRM tahun 2019. Antara skop kerja terlibat adalah seperti berikut:

- (i) kerja-kerja pembaikan am dan penyelenggaraan di lokap Balai Polis Sungai Merah (IPD Sibu) sebanyak RM149,980;
- (ii) kerja-kerja pembaikan am dan pembaikan lampu kawasan di Balai Polis Sungai Merah (IPD Sibu) sebanyak RM20,000; dan
- (iii) kerja-kerja membaiki panel penggera kebakaran di balai polis kuarters kediaman di Blok A dan Blok B Balai Polis Sungai Merah sebanyak RM220,590.

Ini masih menunggu kelulusan peruntukan daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri bertarikh 12 September 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengambil perhatian dengan harapan Yang Berhormat Parlimen Sibru berkaitan aspek untuk mengelakkan pembaziran dalam pembinaan dengan hanya menumpu kepada skop dan keperluan sebenar bagi memenuhi fungsi asas sesuatu kontinjen dan formasi PDRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita tahu Kementerian Dalam Negeri ini merupakan kementerian *enforcement agency*. Kita tidak mempunyai *engineer* di dalam kementerian ini. Jadi pada kebiasaannya, projek-projek yang dibuat khususnya, contohnya seperti balai-balai polis, ianya akan dilakukan oleh JKR, selaku kementerian pelaksana dan *of course* reka bentuk dan sebagainya itu akan dicadangkan oleh pihak JKR kepada kita dan *of course* akan dibentangkan ke peringkat Kementerian Dalam Negeri kepada Pengarah PDRM. Di peringkat PDRM, kita sudah menganggap bahawa setiap aspek *maintenance* dan sebagainya itu telah pun diambil kira oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Jadi itulah sebagai maklumat, reka bentuk bangunan PDRM yang dibina, kita beranggapan bahawa mengambil kira aspek penyelenggaraan bagi bangunan termasuk kemudahan yang disediakan selain menerapkan konsep teknologi hijau bagi amalan penjimatan tenaga dan utiliti dalam pengurusan bangunan ke arah kehidupan yang lebih baik, selesa dan selamat. Sekian, terima kasih.

**Pertanyaan Mengenai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)  
Semakan bagi Subjek Bahasa Melayu Tahun 4 dan  
Memperkenalkan Seni Tulisan Khas sebagai Pengisian Tambahan**

**2.39 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menanyakan soalan, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri untuk menjawab soalan di *Standing Order* 17 ini.

■1440

Saya ingin merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan bagi subjek Bahasa Melayu Tahun 4 memperkenalkan seni tulisan khat sebagai pengisian tambahan. Pada 2 Ogos 2019, Jemaah Menteri memutuskan untuk pengenalan seni tulisan khat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid sekolah rendah Tahun 4 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) diteruskan seperti dirancang mulai tahun hadapan.

Namun begitu, keputusan ini telah mendapat reaksi negatif daripada beberapa pihak. Soalan saya, memandangkan seni tulisan khat merupakan warisan negara, apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk mengubah polemik berhubung tulisan khat supaya ianya tidak dijadikan masalah yang boleh menggugat perpaduan negara. Soalan kedua, sejauh manakah kementerian ada mengkaji atau membuat kajian untuk menetapkan setiap rakyat wajib lulus subjek tulisan warisan khusus bagi murid sekolah menengah kebangsaan sebelum memasuki universiti seperti yang dilakukan di Korea, Jepun dan China. Sekian, terima kasih.

**2.41 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong terhadap keprihatinan beliau membangkitkan isu berkaitan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan bagi Subjek Bahasa Melayu Tahun 4 memperkenalkan seni tulisan khat sebagai pengisian tambahan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 pada kali ini.

Sebelum saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, izinkan saya untuk menerangkan secara ringkas peraturan yang berkaitan iaitu Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menjadi asas dalam pembangunan dan penggubalan kurikulum kebangsaan.

Berdasarkan peraturan tersebut, kurikulum kebangsaan merujuk kepada satu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Justeru, sebarang kurikulum yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan telah mengambil kira semua elemen yang dinyatakan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya KPM sentiasa melaksanakan perubahan dalam kurikulum dari semasa ke semasa bagi semua peringkat persekolahan. Perubahan kurikulum ini dilaksanakan bagi memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran serta nilai yang relevan dengan keperluan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Sebagai contoh bagi tempoh 30 tahun sehingga kini, perkembangan kurikulum sekolah rendah telah melibatkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bermula pada tahun 1983, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)

Semakan pada tahun 2003, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dan yang terkini pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR) semakan bermula pada tahun 2017 secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tahun 1.

Namun sebenarnya perancangan dan pengkonsepsian Kurikulum Sekolah Rendah telah bermula sejak 2014 lagi. Sebahagian daripada penambahbaikan yang dihasratkan oleh KPM untuk diperkenalkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 KSSR, semakan bermula pada 2020 ialah pengenalan kepada tulisan khat/jawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan tulisan khat dalam kurikulum telah diluluskan dalam Mesyuarat Kurikulum Kebangsaan, KPM Bil.1/2015 pada 5 Februari 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-2,008 pada 21 September 2015.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, isu berkaitan pengenalan kepada tulisan khat yang menarik perhatian semua bermula dengan satu penulisan di sebuah akhbar berbahasa Cina pada bulan Julai tahun ini dan kemudian tular di media sosial. Penularan isu ini menerima pelbagai reaksi dan respons sama ada positif atau pun negatif daripada masyarakat. Antara respons yang diterima termasuklah ketidakpuasan hati pihak tertentu sehingga mewujudkan kebimbangan tercetusnya polemik dan salah faham dalam kalangan masyarakat bukan Melayu.

Dalam hal ini KPM sama sekali tidak bersifat keras kepala atau *defensive*, sebaliknya mengamalkan pendekatan terbuka dengan mengadakan sesi perbincangan dan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak. Justeru, beberapa siri pertemuan telah diadakan melalui pejabat saya dan Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan, wakil rakyat yang terdiri daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, termasuk pengurusan tertinggi KPM dan Bahagian Pembangunan Kurikulum KPF.

Bagi merungkai salah faham yang timbul dan menjelaskan beberapa perkara berkaitan tulisan khat ini, KPM dari semasa ke semasa telah mengeluarkan kenyataan media iaitu pada 2 Ogos, 6 Ogos dan 8 Ogos 2019. Berdasarkan keputusan terkini Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019, satu lagi kenyataan media dikeluarkan bagi memaklumkan iaitu pengenalan tulisan 'khat' dipinda kepada pengenalan tulisan 'jawi' dalam Bahasa Melayu Tahun 4 serta diteruskan di sekolah kebangsaan. Namun bagi sekolah jenis kebangsaan, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada persetujuan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa di sekolah tersebut.

Mesyuarat Jemaah Menteri juga sepakat dengan keputusan agar pengenalan tulisan jawi ini tidak dinilai dalam apa-apa ujian dan peperiksaan. Susulan daripada keputusan tersebut, KPM

telah melakukan penambahbaikan terhadap standard pembelajaran dalam Dokumen Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat Parit Sulong sama ada kementerian ada mengkaji untuk mewajibkan subjek Tulisan Jawi, ingin dijelaskan di sini bahawa tulisan jawi bukanlah merupakan satu mata pelajaran atau subjek, tetapi diperkenalkan sebagai aspek seni bahasa yang merupakan strategi dan aktiviti bagi menyokong pelaksanaan kemahiran bahasa, selain memperkaya murid dengan pengetahuan mengenai seni, warisan dan bahasa Melayu itu sendiri.

Justeru, KPM berpandangan tiada keperluan untuk menetapkan setiap murid wajib lulus bagi pengenalan tulisan jawi pada masa kini. Manakala di sesetengah negeri pula, tulisan jawi banyak digunakan di sekolah-sekolah KAFA dan sekolah agama dan ini pada hemah KPM cukup untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar Melayu secara khususnya kepada tulisan jawi tersebut.

Untuk makluman juga, KPM sedang menyediakan garis panduan berkaitan tatacara pelaksanaan pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 mulai tahun 2020. Surat siaran juga akan dikeluarkan dan diedarkan kepada semua sekolah seluruh negara sebelum bermulanya sesi persekolahan tahun 2020 bagi memastikan pelaksanaan pengenalan tulisan jawi di sekolah mulai 2020 berjalan lancar. Selain daripada itu, tulisan jawi juga akan diperkenalkan sebagai *national heritage* atau pun sebagai warisan kebangsaan dan *national identity* atau identiti kebangsaan. Ini selaras dengan tulisan jawi yang tercatat dan termaktub dalam jata negara dan jata negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun isu yang timbul berkenaan pengenalan tulisan jawi ini, saya ingin menegaskan bahawa KPM akan terus melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan tulisan jawi sebagai sejarah warisan negara terus diperkasakan dalam rakyat berbilang bangsa. Antara usaha tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan ruang penulisan tulisan jawi dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti majalah *Tamadun Islam*, *Tunas Cipta*, *Dewan Pelajar* dan lain-lain yang boleh disebarkan kepada semua murid pelbagai kaum;
- (ii) melantik Munsyi Dewan (Jawi) dalam kalangan penggiat tulisan Jawi. Sehingga kini, terdapat seramai 51 orang telah dilantik sebagai Munsyi Dewan (Jawi); dan
- (iii) melaksanakan program dan klinik Jawi seperti Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) dan Kursus Pengkaedahan Jawi Guru KAFA;



Akhir sekali, KPM sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong yang sangat prihatin berkaitan isu-isu pendidikan, khususnya isu yang dibangkitkan. KPM komited untuk bersama-sama membina Malaysia yang memiliki persefahaman dan dari semasa ke semasa akan terus mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak demi kebaikan dan masa depan negara. Besar harapan saya agar isu ini tidak terus dipolitikkan, dipolemikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebaliknya marilah kita menjadikan pendidikan sebagai wadah utama perpaduan seluruh rakyat Malaysia selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, esok Selasa 22 Oktober 2019. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.50 petang]***